



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/04/56 (HQ)

TNB SEGERA ATASI GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DI CHERAS

- Bekalan pulih sepenuhnya dalam tempoh 74 minit

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memulihkan sepenuhnya bekalan elektrik yang terganggu di sekitar Cheras, Selangor akibat Pencawang Masuk Utama (PMU) SPPK Cheras yang terpelantik.

Gangguan yang bermula jam 4:27 petang berjaya dipulihkan sepenuhnya pada 5:41 petang ini.

Gangguan melibatkan hampir 10,000 pengguna dari kawasan Taman Mas 1, Taman Sri Nanding, Taman Suntex, Taman Cheras Awana, Taman Perkasa Indah, Taman Segar Perdana, Batu 9, Taman Pinggiran Delima, Kampung Sungai Serai, Taman Putri serta kawasan sekitar Kampung Hulu Langat.

Kepada pelanggan yang terlibat, TNB memohon maaf atas kesulitan yang timbul.

Siasatan akan dijalankan bagi mengenalpasti punca kejadian.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 April 2021, jam 7:30 malam

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my